

# Najib berhutang cukai RM1.69 bilion, perlu bayar

UM-23/7/2020

mk: 6

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak perlu membayar tunggakan cukai pendapatan tambahan dari tahun 2011 hingga 2017 termasuk penalti sebanyak RM1.69 bilion yang merupakan hutang kepada negara dan perlu dibayar.

Mahkamah Tinggi di sini berpendapat, jumlah yang dikenakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) terhadap Najib selaku defendan itu adalah wajar dan adil kerana denda sama akan dikenakan kepada semua pembayar cukai yang lewat membuat pembayaran.

"Adalah adil bagi defendan yang juga bekas Menteri Kewangan dan bekas Perdana Menteri tertakluk kepada peruntukan penalti yang sama kerana semua sama di sisi undang-undang. Mahkamah juga berpuas hati bahawa penilaian tambahan dan faedah yang meningkat adalah sejajar dengan peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967," ujar Hakim Ahmad Bache.

Selain itu, walaupun konsep 'bayar dulu, bincang kemudian' yang diamalkan oleh LHDN agak keras, namun ia satu peruntukkan yang perlu dalam perundangan ekoran jumlah kes lari daripada membayar cukai adalah tinggi di negara ini.

"Isu pembelaan atau rayuan yang dikemukakan oleh defendan sebelum ini merupakan persoalan berhubung fakta yang perlu dikemukakan dan diputuskan oleh Suruhanjaya Khas Cukai Pendapatan. Oleh itu, tiada sebarang merit dalam



**NAJIB TUN RAZAK**

pembelaan yang dikemukakan oleh defendan yang membolehkan satu percabaran dijalankan. Oleh itu, mahkamah tidak mempunyai pilihan lain selain membenarkan penghakiman terus bagi jumlah yang dituntut oleh plaintif (LHDN)," katanya.

Bagaimanapun, tambah hakim itu, Ahli Parlimen Pekan itu masih boleh mengemukakan rayuan terhadap jumlah tersebut kepada Suruhanjaya Khas Cukai Pendapatan.

Hakim terbabit berkata demikian ketika membaca penghakiman ringkas sebelum membenarkan permohonan LHDN untuk mendapatkan penghakiman terus dalam saman yang dikemukakan terhadap Najib pada 25 Jun 2019.

Penghakiman terus adalah kes diputuskan melalui hujahan tanpa mendengar keterangan saksi pada percabaran. LHDN diwakili Peguam Kanan Hasil, Abu Tariq Jamaluddin.

Kerajaan menerusi LHDN, menyaman Ahli Parlimen Pekan itu dan menuntut beliau membayar RM1.69 bilion bagi cukai pendapatan tambahan yang belum dibayar bagi tahun taksiran 2011 hingga 2017, kadar faedah lima peratus setahun dari tarikh penghakiman, kos dan relif lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Merujuk kepada hujah dikemukakan oleh peguam, Muhammad Farhan Muhammad Shafee yang mewakili Najib bahawa Seksyen 106 Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah bertentangan dengan Artikel 13 dan 121 Perlembagaan Persekutuan kerana merampas kuasa mahkamah, Hakim Ahmad memberitahu hujah tersebut adalah tidak berasas.

Hakim tersebut menyatakan, Seksyen 106 hanyalah satu prosedur untuk mendapatkan semula cukai yang diperuntukkan di bawah undang-undang.

"Hak pembayar cukai adalah dilindungi dan dijamin di bawah Seksyen 99 Akta Cukai Pendapatan dengan cara merayu kepada Suruhanjaya Khas Cukai Pendapatan yang mana mana-mana pembayar cukai yang tidak berpuas hati boleh mengemukakan rayuan terhadap suruhanjaya terbabit. Sekiranya pembayar cukai tidak berpuas hati dengan keputusan suruhanjaya, beliau boleh memfailkan rayuan di mahkamah ini," katanya.

Berdasarkan alasan-alasan yang diberikan, Mahkamah membenarkan permohonan LHDN untuk memasukkan penghakiman terus terhadap Najib bagi jumlah RM1,692,872,924.83 dengan kos RM15,000.